

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
23 NOVEMBER 2018**

1. ANUGERAH HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2018

Dimaklumkan bahawa MPSP telah dianugerahkan sebagai pemenang Pelaksanaan Inisiatif Program Pengkomposan Sisa bagi Kategori Perbandaran sempena Hari Perancangan Bandar Seduni 2018, yang diadakan pada 3 November 2018 di Medan Bandar Alor Setar, Kedah.

**2. PELANTIKAN PENGARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN
PENEMPATAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor, telah dilantik menjadi Pengarah Perkhidmatan Kesihatan berkuatkuasa 1 November 2018. Puan TPr Neoh Siew Yin telah ditempatkan di Unit OSC berkuatkuasa 14 November 2018 bagi menggantikan Encik Muhammad Reduan Bin Jaafar, yang bertukar ke Bahagian Rancangan Fizikal, PLAMMalaysia.

Ucapan tahniah untuk Pegawai-Pegawai tersebut dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

3. BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2018

Dimaklumkan bahawa Program Butterworth Fringe Festival 2018 akan diadakan pada 1 & 2 Disember 2018 di Jalan Jeti Lama, yang bermula pada 4.00 petang sehingga 11.00 malam. Tema Program BFF 2018, adalah berkonsepkan “*A Street Festival*”. BFF 2018 merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan Program Butterworth Baharu yang bermatlamatkan untuk melestarikan Bandar Butterworth melalui penganjuran festival berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan, selaras untuk menjadikan Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif.

Para pengunjung bakal disajikan dengan pilihan makanan jalanan yang pelbagai, persembahan-persembahan tempatan dan antarabangsa, aktiviti kanak-kanak yang menyeronokkan dan bengkel-bengkel kreatif. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

4. MPSP CAR FREE MORNING PADA 2 DISEMBER 2018 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 2 Disember 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Teman pada kali ini

adalah Sambutan Hari Natal.

Selain daripada itu, terdapat aktiviti senamrobik yang lebih santai, pemeriksaan kesihatan, pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

5. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 9 Disember 2018 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik. Ianya selari dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, MPSP mensasarkan Seberang Perai akan menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 16 Disember 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Disember 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

7. SAMBUTAN HARI NATAL

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2018 (Selasa) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

8. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 30 Disember 2018, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa

hadapan.

8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

9. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2019

Dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi Penggal Pertama Tahun 2019 akan mula diterima oleh pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai 1 Disember 2018 dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada 28 Februari 2019. Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter MPSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my> serta pembayaran melalui perbankan internet yang telah disediakan.

Pembayaran juga boleh dibuat di agen-agen kutipan yang telah dilantik seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Kaunter Bank Rakyat, PDC, PBA, dan Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang). Sila hubungi di talian 04-5497790 / 470 / 471 / 468 / 696 / 697 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

10. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU TAHUN 2019

Dimaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu MPSP 2019 akan bermula pada **1 Disember 2018 dan akan tamat pada 28 Februari 2019.**

Antara kriteria yang melayakkan pembayar cukai taksiran terpilih dalam cabutan bertuah ini adalah seperti berikut :-

- (a) Pembayar cukai taksiran mesti membayar keseluruhan cukai setahun untuk tahun 2019 berserta tunggakan (jika ada).
- (b) Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2018 hingga 28 Februari 2019.
- (c) Tidak layak bagi pemilik premis yang telah mendapat pelepasan kecuali pemilik premis yang mempunyai tunggakan dengan syarat menjelaskan keseluruhan tunggakan yang ada.
- (d) Pembayaran dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP

MPSP menggalakkan pemilik premis membuat bayaran cukai taksiran secara online kerana ianya lebih mudah, pantas, serta menjimatkan masa dan kos. Sehubungan dengan itu, bagi promosi cabutan bertuah kali ini, MPSP telah menyediakan sebanyak **lima puluh (50) hadiah** bagi **kategori A** iaitu bayaran secara **ONLINE / AGEN KUTIPAN** manakala **sepuluh (10) hadiah** bagi **kategori B** iaitu **BAYARAN DI KAUNTER MPSP**. Jumlah keseluruhan hadiah

yang disediakan adalah sebanyak **enam puluh (60)** hadiah.

Bagi **kategori A** iaitu pembayaran cukai taksiran dibuat secara **ONLINE / AGEN KUTIPAN**, hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan seperti berikut: -

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Hadiah Pertama	Mountain Bike Fuji 27.5 Tahoe 1.5 my16
Hadiah Kedua	Mountain Bike Fuji 27.5 Nevada 1.1 my16
Hadiah Ketiga	Mountain Bike Fuji 27.5 Nevada 1.5 my17
Hadiah Keempat	Mountain Bike Fuji 27.5 Nevada 1.5 my16
Hadiah Kelima	Mountain Bike Fuji 27.5 Nevada 1.6 my16
Hadiah Keenam	Go Pro Hero 7 Black
Hadiah Ketujuh	Panasonic 4K Smart LED TV 43"
Hadiah Kelapan	Samsung FHD LED TV 49"
Hadiah Kesembilan	Ipad
Hadiah Kesepuluh	Ipad
Lain-lain hadiah	40 hadiah lain seperti notebook, mountain bike, barangan elektrik, telefon pintar, dan perkakasan rumah.

Bagi **kategori B** iaitu pembayaran cukai taksiran yang dibuat di **kaunter MPSP**, 10 hadiah telah disediakan iaitu berupa telefon pintar **Samsung Galaxy Tab J4**.

Bagi promosi kali ini, MPSP menyediakan 25,000 buku kupon letak kereta percuma (kupon jam) bernilai RM2.00 sebuku sebagai cenderamata kepada 25,000 pemilik premis yang layak dan terawal membuat tuntutan. Disamping itu juga, MPSP turut menyediakan cenderamata barangan upcycle kepada 3,000 akaun berikutnya yang layak dan membuat tuntutan. Setiap akaun yang layak hanya akan diberikan satu **(1) cenderamata sahaja**.

Tuntutan cenderamata boleh dilakukan di kaunter tuntutan yang disediakan di Ibu Pejabat MPSP dan kaunter cawangan MPSP dengan mengemukakan bukti-bukti pembayaran. Pemberian cenderamata akan bermula pada 1 Disember 2018 dan berakhir pada 28 Februari 2019. Selagi stok masih ada.

SEKIAN, TERIMA KASIH.